



Headline: Lesap RM68,000 ditipu 'Tuan Azman'  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 17 August 2018

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 28

# Lesap RM68,000 ditipu 'Tuan Azman'

**KUANTAN 16 Ogos** - Akibat tidak merujuk kepada pihak bank berhubung panggilan telefon yang mendakwa dirinya mempunyai hutang pinjaman berjumlah RM70,000, seorang peneroka Felde di Maran dekat sini berputih mata apabila wang simpanannya RM68,000 lesap ditipu sindiket Macau Scam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, kejadian berlaku pada 8 Ogos lalu apabila mangsa berusia 70 tahun menerima panggilan telefon seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai 'Tuan Azman' dari Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu.

"Selain itu, suspek memberitahu mangsa juga didakwa bersubahat dengan seorang penjenayah bernama Tang Boo Hua dan terlibat dalam kes dilakukan oleh lelaki berkenaan.

"Namun, mangsa menafikan dia ada membuat sebarang pin-

jaman peribadi dengan mana-mana bank dan tidak tahu mengenai Boo Hua," katanya di sini hari ini.

Mohd. Wazir berkata, 'Tuan Azman' kemudian meminta mangsa membuat pindahan wang tunai ke dalam satu akaun diberikan olehnya sebagai wang jaminan kes yang akan dibawa ke mahkamah.

"Mangsa bimbang dipenjarakan kemudian membuat lima kali pindahan ke dalam satu akaun diberikan suspek di sebuah bank di Bandar Jengka, Maran bermula dari 9 Ogos sehingga semalam," katanya.

Beliau berkata, 'Tuan Azman' juga mendakwa wang yang dipindahkan itu akan dijadikan sebagai duit jaminan membersihkan nama mangsa dalam kes Boo Hua.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan," katanya.